

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[ SUNGAI PETANI ]**

**TARIKH : 8 MAC 2017 (RABU)**

**Dato' Johari Bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :- adakah benar Putra Star Investment Holdings Pte Ltd berjaya menjadi pembiaya utama projek pembinaan rumah generasi kedua Felda dan jika benar:

- (a) nyatakan siapa pemegang saham dalam syarikat ini dan kerakyataan mereka; dan
- (b) nyatakan projek-projek yang telah dibiayai oleh syarikat ini selain Felda di Malaysia atau luar negara dan nilai projek-projek tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA pada 6 September 2016 telah menandatangani satu perjanjian bersama Terranova Builders Sdn Bhd sebagai Pemaju dan Putra Star Investment Holdings Pte Ltd sebagai Pembiaya untuk 10,730 unit Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF). Namun, tiada perkembangan semenjak ia ditandatangani kerana terdapat beberapa isu teknikal yang sedang diselesaikan oleh pihak berkenaan.

Sekian, terima kasih.